Bahagian A

[20 markah]

Jawab semua soalan

1 Yang manakah padanan yang kesemuanya betul bagi keluarga Bahasa Autronesia dengan contoh kawasan yang menggunakan Bahasa tersebut?

	Contoh Bahasa di kepulauan Autronesia Bahagiab Timur	Contoh Bahasa di kepulauan Autronesia Bahagiab Timur
A	Bahasa di kawasan Koralina,di Gilbert, dan di Samoa	Bahasa di Kepulauan Fiji, di Kalimantan, dan di Filipina
B	Bahasa di Jawa,di Formosa, di Sulawesi, dan sekitarnya	Bahasa di Malaysia,di Sumantera dan sekitarnya
C	Bahasa di Pulau Easter, di Kepulauan Hawaii, dan di Pulau Solomon	Bahasa di Tonga, di Samoa, dan di Utara New Guinea
D	Bahasa di kawasan Marshall, di Mariana, dan di Kepulauan Pala'u	Bahasa di Ambon dan sekitarnya, di Nusa Tenggara, di kepulauan Madagaskar

P	Q
Sukhacita,tathapi	Wuata,datua

2 Yang manakah pernyataan yang benar bagi ciri bahasa Melayu kuno dengan kedua-dua contoh yang terdapat pada P dan Q?

	P	Q
A	Terdapat penggunaan konsonan yang diucapakan dengan hembusan	Terdapat penggunaan akhiran -a
B	Terdapat penggunaan imbuhan sisipan pada perkataan yang ada unsur aspirasi	Terdapat penggunaan diftong
C	Konsonan kh dalam Bahasa Melayu kuno tidak lagi digunakan dalam Bahasa Melayu	Terdapat perkataan dalam Bahasa Melayu kuno telah berunah maknanya dalam Bahasa Melayu moden
D	Terdapat penggunaan vocal a dalam Bahasa Melayu kuno tetapi digantikan dengan vokal e pepet dalam Bahasa Melayu moden	Konsonan w dan d dalam Bahasa Melayu kuno menjadi konsonan b dalam Bahasa Melayu moden

3 Batu bersurat yang berikut menggunakan huruf palava kecuali batu bersurat

A di Gandasuli

B di Kota Kapur

C di Talang Tuwo

D di Karang Brahi

X	Y
- Menggunakan tulisan Jawi - Membuktikan hubungan antara dua buah kerajaan	- Menggunakan tulisan dari India tetapi sudah ada pengaruh Bahasa Arab - Mengandungi lapan baris sajak Sanskrit

4 Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Batu bersurat di sg Teresat	Surat Awal
B	Surat Awal	Batu Bersurat Minye Tujuh
C	Hukum kanun Melaka	Batu Bersurat di Pagar Ruyung
D	Batu bersurat di Pagar Ruyung	Batu Bersurat di Gandasuli

5 Yang manakah pernyataan tentang bahasa Melayu klasik?

A Banyak menggunakan ayat sonsang

B Kebanyakan ayatnya mengutamakan subjek

C Struktur ayatnya memperlihatkan pengaruh Bahasa inggeris

D Tulisan yang digunakan ialah tulisan yang dipinjam dari India

6 Yang manakah buku yang ditulis oleh R.O Winstedt?

A A Malay-English Dictionary

B Grammar of the Malayan language

C A Dictionary of The Malayan Language

D A Practical Modern Malay-English Dictionary

7 Yang manakah berkaitan dengan perancangan taraf Bahasa Melayu?

I Bahasa Melayu digunakan dalam majlis-majlis rasmi dan surat-menyurat kerajaan

II Bahasa Melayu diseragamkan untuk menghasilkan satu variasi standard.

III Bahasa Melayu dimodenkan agar boleh menjadi Bahasa saling terjemah.

IV Bahasa Melayu dipilih menjadi Bahasa kebangsaan negara kita.

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

8 Yang manakah imbuhan akhiran yang dipinjam daripada Bahasa Sanskrit?

A -iah

B -nita

C -logi

D -isme

18 Yang manakah pandanan yang kesemuanya betul bagi perkataan yang mempunyai suku kata pinjaman yang berpolakan KVK dan KKVKK?

	Pola KVK	*Pola KKVKK*
A	telus	Metropleks
B	kurma	Eksport
C	elektrik	Fragmen
D	Syahdu	Gembleng

19 Yang manakah ayat yang mengandungi pengejaan kata majmuk yang betul?

A Jalanraya kea rah bandar itu ditutup sempena PKPB ini.

B Sebuah jawatan kuasa dibentuk untuk menyelesaikan masalah tersebut.

C Barang permainan Ariff bercampur-aduk dengan barang permainannya.

D Kerajaan didesak agar menubuhkan suruhanjaya diraja untuk menyiasat dakwaan itu.

20 Yang manakah frasa yang memerlukan tanda sempang?

I Abad ke 20

II Adik beradik

III Sampah sarap

IV Alat pandang dengar

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

Bahagian B

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti,kemudian jawab semua soalan.

Sejak semalam hatinya digoncang debaran. Pagi ini, walupun sudah keluar dari rumah dan ayahnya menghantarnya ke sekolah,debaran itu tidak surut malah berganda pula. Jantungnya bagaikan mahu tercabut. “Apa-apa pun yang berlaku,terima seadanya. Bersyukur dan reda,” ayah bersuara. Gelora di kolam hatinya mula reda. Terima kasih ayah! *Hatinya bergumam tetapi suaranya terkulum di rengkung.* Di rumah tadi,emak hanya diam. Mungkin itu cara emak meredakan resahnya.

Ayah menurunkan Adam dari motosikal di hadapan pintu pagar sekolah. Dia mula melangkah. Pagi ini ayah akan bersendirian meraih rezeki.Dia di sini.Tidak dapatlah dia bantu ayah.Semalam dia memberitahu ayah yang dia tidak kisah jika dia dia tidak ke sekolah pagi ini.Dia boleh sahaja seusai kerjanya nanti. “Selesaikan hal sekolah itu dahulu.Itu lebih penting.Tempat kerja itu takkan ke mana-mana,’’tegas ayah.Begitulah ayah.Tiada tolak ansur kalau berkaitan dengan pelajaran. “Ayah tak ada harta nak tinggalkan kamu.Ayah hanya ada kurdat untuk cari duit dan hantar kamu ke sekolah.Selagi ayah masih gagah mencari wang,anak ayah mesti ke sekolah dan bersungguh-sungguh menimba ilmu.Sekarang, orang berlumba-lumba mencari ilmu dan kemahiran untuk persediaan sebelum ke alam kerjaya, walaupun sudah lulus universiti’’. Modal itu ayah selalu ulang-ulang.

Kakinya tetap dihayun.Tiba-tiba ada suara yang menerpanya. “Heh, datang juga kau hari ini? Tadi aku berselisih dengan ayah kau. Tak tolong ayah kau ke hari ini?” Mazli teman sekelasnya dulu menegur dengan sengihan sinis. Beberapa kawannya yang lain turut tersenyum kambing. Adam tahu dirinya tidak menghiraukan rakannya kerana dia orang susah. Ayahnya mencari rezeki di tempat pelupusan sampah. Barang terpakai yang masih dapat digunakan, dikutip , kemudian dijual semula. Tetapi dia bukan sampah. Cuti sekolah, dia akan membantu ayahnya. Mazli dan rakan-rakannya sering menggelarnya ‘budak sampah’. Pernah dia merajuk dan enggan ke sekolah dek ejekan itu tapi kata-kata emaknya telah membakar semangatnya untuk ke sekolah. “Kalau kita boleh tukar sampah jadi duit, percayalah kita takkan gagal menukar usaha jadi kejayaan,”pujuk emak yang bijak mencipta madah yang boleh melegakan hatinya.

Tanpa Adam sedar, dia telah tiba di dewan sekolahnya. Hatinya bergoncang kembali. Hari inilah keputusan STPM akan diketahuinya. Dia melihat Pengetua berada di atas pentas. Dalam masa beberapa minit, dia dapat mendengar jeritan dan ketawa kegembiraan. Dia menuju ke meja gurunya tingkatannya. “Muhammad Adam Razli,” sebut gurunya. Adam menggigil. Matanya ditutup. “Adam, tahniah! 4A,” beritahu gurunya. Perlahan-lahan, Adam mula membuka matanya dan saat itu jugalah air mata kegembiraan membasahi pipinya.

(Disesuaikan daripada Dewan siswa,bilangan 5/2015)

21 Berdasarkan petikan berkenaan,jelaskan maksud frasa.

(a) Hatinya bergumam tetapi suaranya terkulum di rengkung. (baris 4) [2]

(b)…tersenyum kambing… (baris 18) [2]

22 Jelaskan tiga nilai positif ayah Adam seperti yang digambarkan oleh penulis. [6]

Sekarang, orang berlumba-lumba mencari ilmu dan kemahiran untuk persediaan sebelum ke alam kerjaya, walaupun sudah lulus universiti’’. (Baris 13 – 14)

23 Andaikan anda seorang graduan dari sebuah universiti tempatan yang sedang mencari pekerjaan. Berikan ulasan anda tentang pendapat di atas dengan menjelaskan ilmu dan kemahiran perlu anda kuasai atau peroleh agar peluang untuk anda mendapatkan pekerjaan lebih cerah. Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan.

[20]

Skema Bahagian A

1	D
2	A
3	A
4	B
5	A
6	D
7	B
8	B
9	D
10	B
11	B
12	B
13	D
14	A
15	A
16	B
17	A
18	A
19	D
20	A

Skema Bahagian B

21 (a) Dia tidak berkata-kata[2]/tiada perkataan [1] yang terkeluar dari mulutnya[1]

(b) senyum yang dubuat-buat [2]/ berpura-pura senyum[2]

22 bersyukur/reda akan ketentuan allah [1]

Ayah menasihati Adam agar menerima apa-apa seadanya walau apa-apa pun yang berlaku.[1]

Huraian: Mementingkan hal persekolahan anaknya/tidak bertolak ansur tentang urusan pelajaran anaknya/mementingkan ilmu[1]

Huraian;Ayah menyatakan bahawa tempat/perihal kerja tidak ke mana-mana/mahu Adam ke sekolah dan belajar dengan bersungguh-sungguh.[1]

Rajin[1]

Huraian:Ayah tiada harta untuk ditinggalkan kepada anaknya tetapi ayahhanya ada kudrta/tenaga untuk mencari duit dan menghantar anak ke sekolah.[1]

23 isi 1:menguasai kemahiran komunikasi secara berkesan

H:dapat mewujudkan interaksi dua hala

C:ketika menghadiri temuduga untuk mendapatkan perkerjaan

HC:perlu menggunakan perkataan yang sesuai apabila ditanya dan menunjukkan kesantuanan ketika berbahasa untuk memikat hati penemuduga dan dapat menyakinkannya.

Isi2:menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi sejajar dengan keperluan dunia digital kini.

Huraian:menujukkan kemahiran menggunakan beberapa aplikasi teknologi yang ada kaitan dengan bidang kerjaya yang saya ceburi

Contoh:penggunaan powerpoint dan excel

Huraian contoh:majikan dapat merasakan pekerja dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lancar

Isi3:menunjukkan kemahiran insaniah

Huraian:keterampilan diri pekerja terselah dengan nialai-nilai positif.

Contoh:ketika bekerja dalam kumpulan,mudah berkerjasama dan bertolak ansur untuk menghasilkan kesepakatan.

Huraian contoh;meningkatkan mutu kerja berkumpulan.

Skema Pemarkahan Bahagian B (Esei Pendek)

1. Pembahagian markah adalah seperti yang berikut:

Aspek	***Markah***
Isi	*15 (3 isi x 5 markah)*
Bahasa	*5*
Jumlah	***20***

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta